



Ruj. Kami : IAB.500-2/3/5 Jld. 4 (10)
Tarikh : 10 Julai 2017

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**IKLAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN (PENSYARAH KANAN/PEGAWAI PEMBANGUNAN DAN PEGAWAI
PENYUNTING) DI INSTITUT AMINUDDIN BAKI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk Makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan terdapat beberapa kekosongan jawatan Pensyarah Kanan Gred DG48, Pegawai Pembangunan Gred DG44 dan Pegawai Penyunting Gred DG41 di Institut Aminuddin Baki untuk diisi dengan kadar segera. Bersama – sama ini disertakan iklan kekosongan jawatan tersebut untuk perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan .
- Sehubungan dengan itu, IAB mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkelayakan di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan permohonan bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut.
- Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan jua, mulai tahun 2017 permohonan bagi mengisi jawatan kosong di IAB adalah secara atas talian (*online*). Bagi tujuan tersebut pemohon bolehlah membuat permohonan melalui pautan berikut <http://aplikasi.iab.edu.my/menu/> .

5. Sekiranya YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, boleh menghubungi pegawai-pegawai di bawah:

i. En. Azan Dzuhri bin Mohamed

06-7979329

azandzuhri@iab.edu.my

ii. Pn. Norsalawati binti Shamsuddin

06-7979324

norsalawati_s@iab.edu.my

iii. Pn. Norhayati binti Mohamad

06-7979305

norhayati_s@iab.edu.my

5. Di atas segala kerjasama serta perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berikan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. HAJI ZAINAL AALAM BIN HASSAN)

Pengarah

Institut Aminuddin Baki

Kementerian Pendidikan Malaysia